

# Mahu kekal legasi UNIMAS



DR Khairuddin (kiri) menyerahkan nota serah tugas kepada Dr Morshidi.

**Kota Samarahan:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kelima yang baru, Profesor Dr Morshidi Sirat, mahu 'jenama UNIMAS' terus mendapat tempat di pasaran dalam usaha mengekalkan legasi kecemerlangan universiti awam itu.

Menurutnya, seluruh warga UNIMAS perlu bekerjasama memastikan jenama UNIMAS yang disasarkan dapat dicapai dan usaha lebih gigih diperlukan.

"Pelan strategik UNIMAS akan dilihat semula bagi memastikan kecemerlangannya berterusan selain pertambahan idea ke arah itu. Pengetahuan dan inovasi penting untuk kita mencabar diri ke arah lebih baik dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media selepas Majlis Serah Tugas Naib Canselor UNIMAS, di sini, semalam.

Majlis serah tugas mantan Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid kepada Morshidi

diadakan di Bilik Galeri, Rumah Universiti UNIMAS sambil disaksikan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datuk Dr Hatta Solhi.

Morshidi memperoleh ijazah pertamanya dalam bidang Perancangan Bandar di Glasgow, Scotland pada 1980 sebelum menyambung pengajian pada peringkat Sarjana dalam bidang Regional Development Planning di University College of Swansea, University of Wales (1982).